

1

APAKAH SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) ?

Sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) bagi menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

2

APAKAH OBJEKTIF UTAMA AKTA PERSAINGAN 2010 INI ?

Melindungi proses persaingan dengan memastikan perusahaan bersaing dalam pasaran bagi meningkatkan kualiti, mewujudkan pilihan serta harga barangan dan perkhidmatan yang kompetitif.

3

APAKAH AMALAN ANTIPERSAINGAN ?

Perjanjian antipersaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan.

4

APAKAH PERJANJIAN ANTIPERSAINGAN ?

Perlakuan perusahaan yang beroperasi pada peringkat yang sama atau berlainan dalam rangkaian pengeluaran, atau pengedaran barangan atau perkhidmatan yang mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

5

APAKAH CONTOH PERJANJIAN ANTIPERSAINGAN ?

Antaranya ialah menetapkan harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain, berkongsi pasaran atau punca bekalan, membataskan atau mengawal pengeluaran, saluran keluar pasaran, pembangunan teknologi atau pelaburan atau melakukan tipuan bida.

6

APAKAH PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN ?

Perlakuan perusahaan yang mempunyai kuasa pasaran yang signifikan yang boleh memudaratkan proses persaingan tanpa justifikasi komersial yang munasabah.

7

APAKAH CONTOH PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN ?

Antaranya ialah mengenakan harga belian atau jualan atau syarat perdagangan yang tidak adil, membataskan atau mengawal pengeluaran, saluran keluar pasaran, pembangunan teknologi atau pelaburan sehingga memudaratkan pengguna.

8

BAGAIMANA MyCC MEMULAKAN TINDAKAN KE ATAS AMALAN ANTIPERSAINGAN?

Melalui maklumat serta aduan yang diterima daripada pengguna, termasuk perusahaan lain dan juga orang awam dengan syarat maklumat atau aduan menimbulkan syak berlaku sesuatu pelanggaran. Suruhanjaya juga akan bertindak;

- atas arahan Menteri ataupun
- atas inisiatif sendiri setelah melakukan tinjauan pasaran.

9

APAKAH TINDAKAN YANG BOLEH DIKENAKAN KE ATAS PERUSAHAAN YANG DIDAPATI MELANGGAR AKTA 712?

Penalti kewangan tidak melebihi 10% daripada pusing ganti seluruh dunia dan/atau arahan lain yang difikirkan sesuai seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 712.

10

BAGAIMANA CARA MEMBUAT ADUAN KEPADA MyCC?

Apabila mana-mana pihak mengesyaki perlakuan amalan antipersaingan, seseorang itu bolehlah membuat aduan dengan:

- > Mengisi borang e-aduan di laman sesawang www.mycc.gov.my/e-complaint; atau
- > Muat turun atau cetak Borang Aduan di laman sesawang www.mycc.gov.my dan hantar borang yang telah dilengkapi kepada MyCC melalui E-mel (complaints@mycc.gov.my), Faks (+603-2272 2293/+603-2272 1692) atau pos ke alamat di bawah; atau
- > E-mel maklumat aduan kepada complaints@mycc.gov.my; atau
- > Menghubungi MyCC di talian **+603-2273 2277**; atau
- > Hadir ke pejabat MyCC

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Level 15, Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lanjut layari www.mycc.gov.my





Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Level 15, Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.



+ 603 2273 2277
+ 603 2272 1692



enquiries@mycc.gov.my



www.mycc.gov.my

Tarikh Penerbitan : Januari 2022



10 SOALAN LAZIM

SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA



@themycc
www.mycc.gov.my